



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

Kualiti mahasiswa pada era globalisasi



Dimensi

Oleh **AFIZAN AMER**
Pensyarah Kanan Pemasaran Digital,
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan,
Universiti Teknologi Mara,
Kampus Puncak Alam, Selangor



SETIAP tahun, keputusan kemasukan pelajar baharu ke institusi pengajian tinggi awam pasti meningkat sebaik diumumkan pada bulan September.

Dalam perjalanan menuju ke arah menjadi sebuah negara maju, bakal mahasiswa perlu diberi kefahaman agar mementingkan soal pendidikan dan penguasaan ilmu pengetahuan yang seimbang apabila mendapat peluang menjejaskan kaki ke menara gading.

Bakal-bakal mahasiswa pada hari ini harus memahami bahawa pendidikan merupakan salah satu tunjang utama dalam pembangunan sosial sesebuah negara.

Pengabaian soal sistem pendidikan bererti mengabaikan kebajikan masyarakat dan menjejaskan pembangunan sesebuah negara itu.

Implikasi mutu pendidikan kepada pembangunan sesebuah negara dapat dilihat kepentingannya menerusi peruntukan perbelanjaan negara bagi tujuan membangunkan sistem dan prasarana pendidikan yang terbaik untuk masyarakat.

Pelaburan

Tindakan ini dianggap sebagai satu pelaburan yang besar untuk menjamin kelangsungan kemajuan yang berterusan dan memastikan penghasilan modal insan 'minda kelas pertama' pada

masa akan datang.

Pendidikan telah terbukti bukan sahaja mampu mengeluarkan seseorang atau sesebuah keluarga daripada kepompong kemiskinan bahkan juga boleh dijadikan kayu ukur kecakapan dan hala tuju pemerintahan sesebuah negara. Bakal



mahasiswa hari ini seharusnya menggunakan peluang yang diberikan sebaik mungkin kerana pendidikan mampu menentukan sejauh manakah seseorang itu boleh bersaing untuk menempuh hari mendatang.

Apa yang lebih penting lagi pada zaman yang serba mencabar ini adalah kepentingan pendidikan tidak harus dilihat dari segi matlamat ekonomi sahaja tetapi berkait dengan melahirkan seorang insan yang beriman, bertanggungjawab, amanah, mempunyai akhlak atau moral yang tinggi serta matang dalam menguruskan kehidupan diri serta keluarga dengan lebih sempurna.

Walau apa sekalipun bidang ekonomi yang ingin diketengahkan oleh sesebuah negara itu, pada hakikatnya, pendidikan merupakan satu prasyarat kepada kejayaan pelaksanaan sektor ekonomi tersebut.

Ini kerana, pendidikan dikaitkan dengan penyebaran dan penghasilan ilmu-ilmu pengetahuan yang dapat membantu manusia membangunkan kehidupannya

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

dengan lebih baik, menjamin keamanan serta kestabilan sesebuah negara.

Berdasarkan pengalaman negara-negara yang lebih dulu maju dari segi sistem pendidikannya, beberapa masalah boleh diambil iktibar oleh bakal mahasiswa.

Masalah utama yang harus diberi perhatian adalah berkaitan dengan muncul satu fenomena iaitu pelajar hanya belajar untuk lulus dalam peperiksaan.

Ini menyebabkan fokus utama bakal mahasiswa dan penekanan ibu bapa kepada pencapaian di dalam peperiksaan semata-mata tanpa memberikan perhatian kepada pembinaan nilai ilmu di dalam diri seseorang pelajar itu.

Kepincangan

Dalam keadaan ini, kejayaan seseorang pelajar itu hanya diukur berdasarkan kepada pencapaian akademik yang cemerlang semata-mata.

Natijahnya, lahirlah graduan-graduan yang tidak seimbang disebabkan penekanan pendidikan yang juga tidak seimbang.

Kepincangan sistem pendidikan ini menyukarkan sesebuah negara untuk mengecap pembangunan yang mampan.

Ini juga boleh mengganggu ekosistem penghasilan graduan untuk keperluan industri bagi membangunkan sesebuah negara.

Masalah ini boleh menjadi faktor sesebuah negara itu mengalami kekurangan pekerja mahir dalam bidang yang benar-benar dikehendaki oleh sektor-sektor ekonomi untuk program-program pembangunan.

Satu gerakan bersepadu antara pihak kerajaan, pemain industri, universiti dan diri mahasiswa itu sendiri perlu dibentuk bagi mewujudkan satu ekosistem pendidikan yang harmoni.

Dengan adanya kerjasama ini, maka lebih banyak program dapat diadakan dalam membantu mahasiswa membangunkan tahap kreativiti mereka, sekali gus mengetengahkan bakat dan membantu mempersiapkan diri berdepan cabaran global pasaran kerja.

Berdasarkan situasi global pasaran kerja pada masa ini, majikan-majikan yang akan mengambil graduan bekerja kelak pasti mementingkan kebijaksanaan, kebolehan berfikir dan bertindak dalam semua keadaan.

Perlu diingatkan, graduan berkualiti akan menyumbang kepada kekuatan modal insan atau bakat yang diperlukan oleh sesuatu industri di dalam satu sistem ekonomi.

Justeru itu, kepentingan ilmu pengetahuan yang seimbang dari sudut rohani dan kemahiran kini menjadi satu keperluan yang amat mustahak serta perlu menjadi agenda utama bakal mahasiswa.

Tanpa ilmu pengetahuan yang seimbang, keupayaan untuk memajukan negara adalah amat sukar. Malah, ia akan menjejaskan rancangan dan kemajuan yang telah direncanakan.



MAHASISWA perlu berfikiran kritis dan tidak hanya sekadar mahu lulus cemerlang dalam peperiksaan.
– Gambar hiasan

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

